

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PEMADAM YANG KE-18  
Lokasi : HOTEL CROWN PRINCESS, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 24-06-1993

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kita berkumpul di sini untuk menjalankan kewajipan yang telah diamanahkan, iaitu untuk membasmi gejala dadah yang berleluasa di dalam negara kita ini.

Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberi taufik dan hidayah- Nya kepada kita dan memberkati usaha-usaha kita ini.

2. Sebagaimana kita sedia maklum, berbagai-bagai usaha telah dirancang oleh Kerajaan dan badan-badan sukarela untuk menghapuskan penyalahgunaan dadah dalam masyarakat kita. Kita sedar dan mengetahui akan bahaya dan kesan buruknya penyalahgunaan dadah. Kesan penyalahgunaan dadah terhadap mangsanya, keluarganya, masyarakat dan negara adalah amat buruk dan menjadi suatu ancaman yang sungguh serius yang boleh mengancam keselamatan negara.

3. Mengikut statistik, bilangan penagih dadah yang berdaftar sudah meningkat 160,000 orang. Mereka terdiri daripada golongan muda di bawah umur 30 tahun, yang bakal memimpin dan membangunkan negara. Sayang sekali mereka tidak dapat mengabdikan diri mereka untuk membangunkan diri mereka sendiri, keluarga dan masyarakat. Sebaliknya mereka menjadi beban kepada keluarga dan kepada masyarakat. Kita sedang berusaha untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Bagi mencapai matlamat ini kita harus mengabdikan diri kita kepada masyarakat dan negara. Tetapi jika anak-anak muda kita begitu ramai terlibat dengan penyalahgunaan dadah, cita-cita kita untuk mencapai Wawasan 2020 tentu sekali akan terjejas. Inilah beban yang dipikul oleh Kerajaan, PEMADAM dan masyarakat keseluruhannya. Pendekatan yang bersepadu daripada seluruh rakyat mesti kita usahakan untuk memerangi musuh utama negara ini, iaitu penyalahgunaan dadah. Setiap tahun Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan yang besar dan kakitangan yang ramai dalam peperangan ini. Dalam tahun 1991, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM44 juta dan dalam tahun 1992 pula, ia meningkat kepada RM49 juta.

4. Kajian menunjukkan banyak sebab timbulnya masalah penyalahgunaan dadah ini. Mungkin berpunca daripada ibu bapa, mangsa sendiri atau masyarakat sekelilingnya. Dalam hal ini, pihak yang mana harus disalahkan dalam masalah penyalahgunaan dadah? Bagi saya, ketiga-tiga pihak mesti bertanggungjawab atas berlakunya masalah penyalahgunaan dadah ini. Ketiga-tiga pihak ini perlu renungkan sendiri apakah peranan mereka sebenarnya.

5. Penyalahgunaan dadah berlaku dalam semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, status atau agama. Tetapi yang paling utama sekali, pencegahan penyalahgunaan dadah boleh dilakukan di peringkat keluarga lagi. Kita terima hakikat bahawa setiap manusia berkeluarga. Oleh itu keluarga itulah yang harus bertanggungjawab melahirkan satu keluarga yang dapat hidup rukun dan damai. Setiap ahli keluarga, daripada bapa ke anak-anak mempunyai hubungan yang baik dan erat dan inilah yang penting dalam mewujudkan kestabilan keluarga.

6. Statistik menunjukkan bahawa 60 peratus daripada penghuni di pusat-pusat Serenti, menagih dadah kerana mempunyai keluarga yang 'porak-peranda'. Tidak pula saya dapati statistik yang menghuraikan sebab-sebab keluarga itu porak-peranda. Adakah ini disebabkan pertelingkahan di antara suami dengan isteri, di antara ibu dengan bapa dan anak-anak atau antara anak-anak sahaja? Sudah menjadi tradisi Sang Bapa menjadi ketua rumah dan seharusnya menunjukkan teladan yang baik kepada anggota keluarganya.

Kepada Sang Suami dan Sang Bapalah letaknya keharmonian dan kemesraan keluarga. Jika Sang Suami sibuk dengan tugas- tugasnya tanpa memberi sedikit masa untuk bermesra dengan isteri dan keluarga, jika ia cuai dalam tanggungjawabnya, berkelakuan curang, liar ataupun mengamalkan tabiat-tabiat yang tidak baik sebagai pemimpin keluarga, sudah tentu keluarga itu akan porak-peranda. Perkelahian akan berlaku di mana anak-anak yang remaja akan menjadi mangsa dan serba salah

melihat ibu bapa yang mereka kasihi 'bertempuran'. Ke mana mereka akan mengadu hal atau mencari ketenangan?

7. Tanggungjawab mendidik anak-anak itu jatuh kepada ibu. Ibu yang tidak bekerja boleh mengawasi anak-anaknya tetapi jika keluarga itu ramai, mustahillah bagi siibu itu untuk mengawasi kesemua anaknya itu. Namun, seorang ibu yang riang dan bahagia dan mendapat sokongan dan dorongan daripada suami akan berjaya memenuhi kewajibannya mendidik dan mengawasi anak-anaknya dengan sempurna. Keluarga yang sihat, riang dan aman adalah sumber kebahagiaan sesebuah rumahtangga.

8. Malangnya, bukan semua rumahtangga dapat mencapai kebahagiaan seperti itu. Dalam dunia yang mencabar dan penuh dengan gejala-gejala negatif di sekeliling kita, ibu bapa harus melihat dan meneliti gerak-geri dan kelakuan anak-anak mereka. Perubahan kelakuan anak-anak daripada segi kesopanan dan fizikal perlu diperhatikan. Perbincangan yang mesra harus dilakukan setiap masa agar dapat dihindarkan perkembangan-perkembangan negatif yang boleh mempengaruhi anak-anak. Di samping itu, penekanan terhadap ajaran agama harus diberikan. Anak-anak kita harus ditanamkan dengan nilai-nilai moral dan menjauhi perbuatan-perbuatan yang boleh merosakkan diri mereka.

9. Kajian juga telah menunjukkan bahawa ramai bekas penagih dadah daripada Pusat Serenti dan Pusat Jagaan Lanjutan takut untuk kembali kepada keluarga mereka setelah tamat tempoh pemulihan mereka. Ada di kalangan mereka yang mahu tinggal terus di Pusat-pusat Jagaan Lanjutan kerana mereka tahu jika mereka kembali ke pangkuan keluarga, suasana untuk beribadat, beramah mesra, dan ketenteraman tidak wujud. Mereka merasakan bahawa keyakinan mereka terhadap diri sendiri boleh tergugat semula. Sebab itu mereka ingin terus tinggal di Pusat-pusat Jagaan Lanjutan kerana ada rakan-rakan, kaunselor-kaunselor tempat mereka mengadu hal dan kerja-kerja berfaedah yang dapat mereka lakukan. Ini membuktikan bahawa peranan keluarga sungguh penting, bukan sahaja sebelum anak-anak terlibat dalam penagihan dadah tetapi juga selepas mereka dipulihkan di Pusat Serenti dan juga Pusat Jagaan Lanjutan. Ada juga keluarga yang masih menyisihkan anak yang telah dipulihkan dari Pusat-pusat Serenti. Sikap negatif seperti ini tidak akan membawa kebaikan kepada bekas-bekas penagih.

Sebaliknya mereka akan merasakan bahawa keluarga dan masyarakat tidak ingin melihat mereka pulih.

10. Akhirnya setelah dipelawa oleh rakan-rakan lama, bekas-bekas penagih yang telah insaf mungkin akan terpengaruh dengan kumpulan rakan-rakan lama yang jahat. Dan kemungkinannya mereka akan kembali menagih dadah semula. Sepatutnya ibu bapa kepada bekas penagih harus insaf bahawa anak mereka ingin kembali ke pangkal jalan dan mahu menjadi manusia yang bertanggungjawab.

11. Sistem pemulihan di negara kita ini diwujudkan agar unsur-unsur kemanusiaan diamalkan di Pusat-pusat Serenti dan juga di Pusat-pusat Jagaan Lanjutan. Setelah mereka dipulihkan di Pusat-pusat Serenti mereka akan ditempatkan di Pusat Jagaan lanjutan di mana aktiviti-aktiviti seperti kaunseling, keagamaan, dan kerohanian diteruskan. Aktiviti-aktiviti di mana mereka dapat diintegrasikan ke pangkuan masyarakat diadakan, seperti mengeluarkan dan memasarkan hasil usaha mereka kepada masyarakat setempat, mengadakan pasukan tukang kayu yang akan membaiki bangku-bangku sekolah, bangku-bangku pejabat, membaiki masjid dan surau di kawasan-kawasan setempat, mewujudkan pasukan bolasepak, sepak takraw, kompong agar mereka boleh melibatkan diri di peringkat daerah dalam pertandingan-pertandingan sukan.

12. Peluang juga diberi kepada mereka untuk mengambil bahagian dalam aktiviti gotong-royong. Pusat-pusat Jagaan Lanjutan ini juga mengambil masjid, surau-surau, tanah-tanah kubur berhampiran dengan mereka untuk dijadikan 'anak angkat' di mana mereka akan menjaga kebersihan tempat-tempat ini. Ini semua untuk mewujudkan suasana di mana bekas-bekas penagih dapat berinteraksi dengan masyarakat dengan tujuan membangunkan semula keyakinan diri mereka sebagai anggota masyarakat.

13. Di samping mengadakan aktiviti-aktiviti Pendidikan Pencegahan untuk orang ramai termasuk pelajar-pelajar sekolah, ibu bapa, pekerja kilang, PEMADAM juga harus menyediakan ahli-ahli yang sanggup mengorbankan masa dan tenaga untuk membantu bekas-bekas penagih yang sedang berada di Pusat-pusat Jagaan Lanjutan. PEMADAM juga harus menyediakan kaunselor yang terdiri daripada guru,

doktor, peguam, ahli politik dan ahli perniagaan untuk memberi ceramah kesedaran kepada mereka ini. PEMADAM juga harus menyediakan guru-guru agama untuk memberi ceramah kesedaran kepada mereka ini agar mereka dapat mendalami ajaran-ajaran agama ke arah pembentukan peribadi yang baik.

14. Daripada apa yang telah saya perkatakan tadi, dapat kita rumuskan bahawa masalah penyalahgunaan dadah kebanyakannya berpunca daripada keluarga yang tidak stabil.

Keluarga yang kurang stabil akan memberi kesan negatif kepada anak-anak. Biasanya keluarga yang sebegini tidak mempedulikan anak-anak mereka, apatah lagi anak-anak yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat-pusat Serenti. Mereka menyerahkan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa kepada Kerajaan. Saya suka menyarankan supaya ibu bapa memainkan peranan yang utama ke arah usaha memulihkan anak-anak mereka yang menyalahgunakan dadah.

15. Unsur-unsur 'parenting' iaitu nilai-nilai kekeluargaan yang tulin hendaklah ditunjukkan sepenuhnya kepada anak-anak terutama mereka yang baru dibebaskan daripada pusat-pusat pemulihan. Ini penting kerana semasa anak-anak di pusat-pusat pemulihan, mereka diberi harapan bahawa ibu bapa masih menyayangi mereka, bahawa masih ada keluarga dan masyarakat yang sedia menerima mereka apabila mereka pulih kelak.

Sekiranya tidak, mereka akan kembali ke tabiat yang lama, iaitu menagih dadah semula.

16. Marilah kita bersama-sama pada hari ini, benar-benar insaf terhadap apa yang telah melanda anak-anak muda kita pada hari ini. Marilah kita bersama-sama mengemblengkan tenaga dan usaha untuk membantu mereka yang sudah terjebak dalam kancuh dadah agar mereka dapat menjadi anggota masyarakat yang berguna. Kepada mereka yang tidak terlibat, marilah kita bersama-sama menentukan bahawa mereka ini terus terhindar daripada bahaya tersebut.

17. Saya berharap dan berdoa agar Mesyuarat Agung PEMADAM tahun ini akan mencari jalan dan usaha yang lebih mantap lagi untuk menuju ke arah cita-cita murni kita bersama.

18. Dengan harapan ini, saya dengan kalimah Bismillahirrahmanirrahim, merasmikan Mesyuarat Agung PEMADAM yang ke-18 pada hari ini.

Sekian, terima kasih.